



SETIAUSAHA KERAJAAN,
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN,
TINGKAT 19,
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503 SHAH ALAM,
SELANGOR DARUL EHSAN.



Tel : 03-5514 2134 (Terus)
Fax : 03-5544 7042 (Am)
Fax : 03-5510 3062

"KEJUJURAN DAN KETEKUNAN"

Ruj. Tuan :

(7) dlm. IPK.SEL.BK.
20684/135

Tarikh :

26 Mac 2009.

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

Semua Ketua Jabatan Kerajaan Negeri Selangor

Semua Ketua Badan Berkanun Negeri Selangor

Semua Pegawai Daerah Negeri Selangor

Semua Datuk Bandar / Yang Dipertua
Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor.

Semua Anak Syarikat
di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor

YB Dato' / YAD Dato' Setia /
YBhg Dato'/ Datin Paduka / Tuan / Puan,

PEKELILING SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR BILANGAN 2 TAHUN 2009

PENETAPAN SYARAT UTAMA BAGI PENGANJURAN PROGRAM RASMI JABATAN DI HOTEL (LUAR KAWASAN PEJABAT)

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.


2. Berikut dilampirkan Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Bilangan 2 Tahun 2009 berkenaan perkara di atas. Sebagai tambahan, salinan lembut (softcopy) Pekeliling ini boleh dimuat turun di Laman Web Rasmi Kerajaan Negeri Selangor mulai daripada tarikh surat ini dikeluarkan.

3. Justeru, YB Dato' / YAD Dato' Setia / YBhg Dato'/ Datin Paduka / Tuan / Puan adalah dipohon untuk mengambil perhatian tentang butiran keseluruhan yang terkandung pada Pekeliling tersebut.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATO' RAMLI BIN MAHMUD)

Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

s.k.

- YAB Dato' Menteri Besar Selangor
- Semua YB EXCO Kerajaan Negeri Selangor.
(Senarai edaran seperti di Lampiran)
- Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan).
- Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan).
- Fail Timbul.



KERAJAAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

PEKELILING SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR BILANGAN 2 TAHUN 2009

PENETAPAN SYARAT UTAMA BAGI PENGANJURAN PROGRAM RASMI JABATAN DI HOTEL (LUAR KAWASAN PEJABAT)

TUJUAN

1. Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor ini bertujuan melaksanakan penetapan syarat utama bagi penganjuran program rasmi di luar kawasan pejabat yang menggunakan perkhidmatan hotel.

TAFSIRAN

2. Bagi tujuan Pekeliling ini,
- a. “program rasmi” bermaksud semua acara/bengkel/kursus/seminar yang dianjurkan oleh Jabatan, yang menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri dan/atau lain-lain peruntukan yang diterima daripada sumber-sumber lain;
 - b. “hotel” bermaksud bangunan rumah penginapan **di Selangor** yang menyediakan perkhidmatan makan dan minum, dan kemudahan yang bersesuaian untuk penganjuran sebarang acara program rasmi dan/atau tidak rasmi, secara pakej dan/atau bukan pakej;

- c. "Sijil Pengesahan Halal" bermaksud dokumen rasmi pengesahan status halal bagi perkhidmatan makan dan minum yang dikeluarkan kepada hotel yang **telah memohon dan masih sah laku kelulusannya**, yang dikeluarkan oleh **sekurang-kurangnya salah satu** daripada pihak yang berikut, iaitu: -
- i. Majlis Agama Islam Selangor (MAIS);
 - ii. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM);
 - iii. *Halal Industry Development Corporation (HDC)*.

LATAR BELAKANG

3. Pematuhan penyediaan makanan dan minuman halal oleh pengusaha-pengusaha hotel adalah penting, memandangkan masih terdapat lambakan bahan-bahan mentah di pasaran yang digunakan secara tidak terkawal dalam masakan (di mana status halal atau haram bahan-bahan mentah tersebut masih diragui), walaupun pihak pengusaha menyedari bahawa sebahagian besar daripada pelanggan hotel mereka terdiri daripada pelanggan yang beragama Islam.
4. Kerajaan Selangor menyedari masalah yang timbul dan berpendapat bahawa kawalan ke atas penyediaan makan dan minum yang menggunakan bahan-bahan mentah ini (yang masih diragui status halal atau haramnya) perlu diperkemas, bagi menjamin hak-hak dan kepentingan umat Islam khususnya di Selangor.
5. Justeru, melalui keputusan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bil. 33/2008 pada 19 November 2008, semua program rasmi Jabatan yang ingin dianjurkan di hotel (iaitu luar kawasan pejabat) **hendaklah menggunakan** hotel yang telah memperoleh Sijil Pengesahan Halal yang sah.

SKOP PENGESAHAN HALAL

6. Sijil Pengesahan Halal yang dikeluarkan hanyalah terhad kepada dapur penyediaan makanan yang tertentu sahaja di hotel berkenaan dan tidak meliputi mana-mana restoran yang terdapat di hotel tersebut, mahupun secara keseluruhannya.

7. Status pengesahan halal yang dikeluarkan adalah bersifat tidak kekal sepanjang masa iaitu mempunyai tempoh sah yang tertentu (dengan merujuk kepada Sijil Pengesahan Halal yang telah dikeluarkan). Status ini boleh dibatalkan pada bila-bila masa, tertakluk kepada kuasa dan pertimbangan oleh pihak yang mengawal dan menguruskan Sijil Pengesahan Halal tersebut.

PELAKSANAAN

8. Ketua Jabatan hendaklah memastikan bahawa salinan terkini Sijil Pengesahan Halal yang sah dan lengkap diperoleh daripada pengusaha hotel berkenaan, **sebelum sebarang komitmen penganjuran program rasmi tersebut disahkan** dan hendaklah dikemukakan semasa prosedur permohonan perolehan dibuat. Pemilihan menu makan dan minum juga hendaklah dibuat berdasarkan kelulusan yang dinyatakan pada Sijil Pengesahan Halal tersebut.

9. Ketua Jabatan juga disarankan untuk menyemak kelulusan dan status pengesahan halal yang terkini, yang dikeluarkan secara bertulis atau dipaparkan pada Laman Web Rasmi Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) <http://www.jais.gov.my> dari semasa ke semasa. Penjelasan secara terus juga boleh diperoleh daripada pihak JAIS (Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan – Unit Halal) dengan menghubungi talian 03 – 5514 3508 / 3707 / 3678 / 3684 / 3419.

10. Pihak JAIS juga **diarahkan untuk mengemas kini** senarai hotel yang memiliki Sijil Pengesahan Halal **dari semasa ke semasa** melalui Laman Web Rasmi JAIS atau secara edaran bertulis kepada semua Ketua Jabatan.

TARIKH BERKUAT KUASA

11. Pekeliling ini berkuat kuasa serta-merta mulai pada tarikh ia dikeluarkan.

PEMAKAIAN

12. Semua Jabatan Kerajaan Negeri, Pejabat-pejabat Daerah dan Tanah, Badan-badan Berkanun Negeri, Pihak-pihak Berkuasa Tempatan Negeri dan Anak-anak Syarikat di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri hendaklah melaksanakan arahan seperti yang tertakluk pada Pekeliling ini.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' RAMLI BIN MAHMUD)
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

25 Mac 2009.

Dikelilingkan kepada: -

Semua Ketua Jabatan Kerajaan Negeri Selangor.

Semua Ketua Badan Berkanun Negeri Selangor

Semua Pegawai Daerah Negeri Selangor.

Semua Datuk Bandar / Yang Dipertua
Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor.

Semua Anak Syarikat di bawah Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor

Salinan kepada: -

YAB Dato' Menteri Besar Selangor

Semua YB EXCO Kerajaan Negeri Selangor

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan)

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan)